NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#10

29 Feb 2024 – 6 Mac 2024



PENULIS NEXUS

KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

ISI KANDUNGAN

Jangan Disekat Sungai Yang Mengalir 2

Kenaikan dan Peluasan Skop SST 5

Kenaikan Kos Sara Hidup Terus Membimbangkan 7

Malaysia Ke Arah Meliberalisasi Dasar Kabotaj 10

Doktor Pelatih Korea Mogok 12

Rakyat Terengganu Dinafikan Hak Royalti 14

Rasionalisasi Subsidi Diesel Bersasar 16

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

Jangan Disekat Sungai Yang Mengalir

- Isu hak **kebebasan suara** di Malaysia adalah isu yang diperjuangkan oleh Pakatan Harapan (PH) sekian lama sehingga ia diletakkan sebagai salah satu janji dari janji yang ada dalam **Manifesto PH**.

- **PH mengecam kerajaan BN** suatu ketika dulu berkaitan hak kebebasan bersuara. Pengarah Komunikasi Angkatan Muda Keadilan (AMK) Malaysia, Wong Chun Yuan pernah mengecam UMNO yang didakwa masih mengekalkan budaya menyekat kebebasan bersuara ketika itu, ekoran tindakan penyokong UMNO yang diketuai oleh Ahli MKT UMNO Lokman Noor Adam yang bergelut dengan beberapa orang pelajar Universiti Malaya ketika mereka mengadakan protes terhadap Najib Razak.

- Pada 2018, ketika kerajaan BN membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Antiberita Tidak Benar 2018 dan diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 2 April 2018. **DAP dan sekutu mereka menentang keras** kerana mendakwa ia akan menyekat kebebasan bersuara serta gusar ia akan disalahgunakan untuk menganiaya pengkritik-pengkritik kerajaan, seperti yang ditegaskan oleh pemimpin veteran DAP ketika itu, Saudara Lim Kit Siang.

- Namun, tindakan kerajaan MADANI hari ini berbeza dengan manifesto dan perjuangan mereka selama ini. Banyak sekatan kepada media bermula seawal pemerintahan kerajaan MADANi pada Disember 2022.

- YB Menteri, Fahmi dalam sidang medianya mengumumkan SKMM dan TikTok telah **menyekat lebih 2,000 kandungan** yang disifatkan sebagai provokatif. Tidak cukup itu, pelbagai ugutan diberikan oleh kerajaan untuk menakutkan rakyat seperti yang pernah diucapkan oleh YB Fahmi dalam siaran langsung Tiktoknya.

- Tindakan kerajaan melalui SKMM yang memanggil pengamal media untuk memberi penjelasan mengenai kandungan portal berita dan laman dalam talian mereka pada Ogos 2023 telah menerima kecaman daripada **Kumpulan Wartawan Kanan**.

- Terbaru, beberapa pihak seperti **Lawyers For Liberty (LFL)** turut mengecam kerajaan yang menggunakan Kod Etika Wartawan Malaysia yang dilancarkan sebagai helah untuk mengawal dan menentukan berita yang boleh disebarkan dalam talian.

- Manakala dalam isu terbaru, Tan Sri Rafidah Aziz memaklumkan bahawa hantaran bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu di Facebook mengenai isu layanan terhadap pesara kerajaan di Institut Jantung Negara (IJN) disekat.

- Walaupun ia **dinafikan oleh Menteri** dan mendakwa sekatan itu berdasarkan garis panduan komuniti platform media sosial, ia tetap menimbulkan beberapa tanda tanya, kerana hantaran Rafidah di Facebook mengenai dakwaan discaj tidak adil kepada pesara kerajaan daripada IJN bukanlah mengecam mana-mana pihak dan menimbulkan keresahan hidup bersosial. Ia hanyalah bersifat pendapat daripada seorang yang berpengalaman luas dalam pentadbiran negara.

- Isu terkini ialah **tindakan kerajaan yang menghadkan kad sah media**. Beberapa wartawan media dalam talian daripada pelbagai agensi berita diberikan kad media yang bertempoh sah hanyalah enam bulan berbanding tempoh setahun untuk wartawan Malaysiakini. Dikhuatiri ini juga adalah tindakan yang menunjukkan unsur-unsur kawalan terhadap kebebasan bersuara melalui media.

- Walaupun kemungkinan kerajaan sekarang mendakwa kawalan ini bagi mengekang penyalahgunaan saluran betul, Syahredzan yang kini bergelar Ahli

Parlimen Bangi berkata, **dalam Perlembagaan tidak disebut tentang saluran betul** yang boleh digunakan. "Maknanya, amalan hak bersuara itu boleh diamalkan walau dalam apa jua saluran sekalipun termasuk ekspresi dalam media sosial seperti Facebook dan Twitter.

- Isu-isu yang diutarakan di sini membawa suatu penilaian oleh rakyat bahawa kerajaan sedang menyekat kebebasan bersuara melalui media. Walau apa pun justifikasi, rakyat Malaysia dan dunia melihat Kerajaan MADANI pimpinan PMX tidak melaksanakan janji-janji serta perjuangan beliau yang diperjuangkan selama ini. Maka, PMX harus memberi isyarat jelas bahawa beliau adalah seorang yang berprinsip. Tindakan yang seumpama "cakap tak serupa bikin" boleh menyebabkan **defisit** kepercayaan (*trust deficit*) rakyat Malaysia dan dunia kepada beliau dan pasukannya.

- Malah, yang lebih penting, kerajaan harus **mengelak bersikap seperti menyekat sungai yang mengalir.** Kerana jika disekat kebebasan sungai untuk mengalir mengikut hukumnya (hukum alam aliran seperti yang ditetapkan Pencipta), pasti ia akan memberontak.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/94660/berita/nasional/rakyat-malaysia-bebas-bersuara
- https://www.malaysiakini.com/news/698229?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook
- https://keadilanrakyat.org/wp-content/uploads/2019/02/Sejarah-dan-Dasar-Perjuangan-Keadilan-online-version.pdf
- https://kitaboleh.my/tawaran-kita-boleh/menjamin-kebebasan-media-dan-hak-bersuara/
- https://www.malaysianow.com/my/news/2023/09/01/sekat-media-terdesak-bercanggah-perjuangan-anwar-kata-pas
- https://www.malaysiakini.com/news/698229?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook

Kenaikan dan Peluasan Skop SST

- Setelah enam hari dasar perluasan skop perkhidmatan bercukai dan perubahan kadar cukai perkhidmatan (SST) dilaksanakan bermula 1 Mac 2024, kerajaan dinasihati untuk **mengkaji semula** pelaksanaan dan memikirkan cadangan yang lebih jitu bagi menambahkan pendapatan negara.
- Kerajaan Persekutuan baru-baru ini telah menguatkuasakan pewartaan Peraturan–Peraturan Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2024 melibatkan kenaikan caj perkhidmatan bercukai sebanyak **2 peratus**, daripada 6 peratus kepada 8 peratus dan kenaan cukai perkhidmatan terhadap kumpulan baharu sebanyak 6 peratus.
- Antara yang terkesan dalam keseluruhan rantaian nilai industri adalah **perkhidmatan logistik** seperti perkhidmatan penghantaran, pengedaran atau pengangkutan barang yang mula dikenakan cukai sebanyak 6 peratus. Aplikasi perniagaan atas talian seperti Shopee dan TikTok antara platform yang awal telah mengenakan caj tambahan kepada pengguna yang menggunakan aplikasi tersebut. Dalam era galakan beralih kepada **ekonomi digital**, ini menjadi cabaran kepada kerajaan untuk memastikan kelestarian sektor ekonomi digital jangka masa panjang di mana majoriti pengguna terdiri daripada pengusaha tempatan kecil dan sederhana.
- Selain itu, **industri hartanah** juga bakal terkesan dengan kenaikan harga rumah apabila segmen perkhidmatan profesional seperti khidmat guaman, perundingan, penilaian dan sebagainya dicaj sebanyak 8 peratus. Industri **pelancongan** terutama pelancongan domestik juga bakal berdepan dengan perkara yang sama apabila rumah inap yang menjadi sumber pendapatan tambahan isi rumah, perkhidmatan sewa kenderaan, dan restoran turut dikenakan caj, sedangkan industri-industri ini masih sedang kembali pulih daripada kesan perubahan ekonomi pasca-Covid 19.


- Pelbagai reaksi timbul antaranya daripada Ahli Parlimen Bagan yang meminta Kerajaan untuk menyemak semula kesan kenaikan cukai perkhidmatan ini 'sekiranya' ia memberi kesan kepada peniaga dan pengguna.
- Menteri Pengangkutan juga ditegur kerana lambat mengambil tindakan ke atas kenaikan SST terhadap pengangkutan penumpang udara tempatan daripada 6 peratus kepada 8 peratus dan kenaikan cukai terhadap perkhidmatan logistik.
- Apabila berlakunya pertambahan kutipan cukai di dalam rantaian nilai mana-mana industri, ia akan mewujudkan **kesan berganda** kepada pengedar dan pengguna. Dalam pada kerajaan masih gagal berdepan dengan ekonomi yang tidak menentu, kerajaan dilihat masih tidak mempunyai solusi yang jitu dan kreatif untuk meningkatkan pendapatan negara.
- Justeru, kerajaan perlu berusaha mencari jalan yang lebih baik dan holistik selain kenaan cukai berganda kepada pengguna. Kita tidak mahu dasar kerajaan yang baru ini menambah beban kepada rakyat, sedangkan kita masih berhadapan dengan peningkatan golongan miskin bandar, penetapan kadar gaji progresif yang masih di peringkat kajian, dan ekonomi penduduk tempatan masih di tahap yang belum memuaskan.

RUJUKAN

- https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/04/transport-minister-to-discuss-sst-applicability-to-domestic-flights-with-finance-ministry/121362
- https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/soalan-lazim/soalan-lazim-peluasan-skop-perkhidmatan-bercukai-dan-perubahan-kadar-cukai-perkhidmatan

Kenaikan Kos Sara Hidup Terus Membimbangkan

- Memasuki tahun 2024, negara dilihat terus berdepan dengan krisis **kenaikan kos sara hidup** yang terus membelenggu rakyat dari segenap aspek. Jika dahulu, rakyat selesa dengan nilai RM50 bagi berbelanja barang-barang keperluan harian seperti beras, telur, ikan, ayam, minyak dan tepung, namun sekarang suasana amat jauh berbeza.



Sumber: Ekonomi Rakyat

- Menurut laporan Tinjauan Ekonomi 2024, beberapa kajian menunjukkan isu sedia ada terutamanya kos sara hidup serta kadar simpanan dan gaji yang rendah sudah berlaku sebelum pandemik lagi dan kini semakin membimbangkan yang terus mengekang kemajuan usaha pemulihan isi rumah.

- Ia ditambah lagi dengan pendapatan upah dan gaji yang meningkat perlahan, sistem perlindungan sosial tidak mencukupi, hutang isi rumah masih tinggi, kadar kemiskinan masih serius, serta peningkatan harga perkhidmatan asas dalam kehidupan seperti pendidikan, perubatan dan perumahan.

- Beban kewangan perbelanjaan harian isi rumah yang meningkat saban hari tidak seharusnya dinafikan oleh pihak kerajaan kerana terdapat banyak rungutan dan rintihan daripada rakyat mengenainya. Malahan, isu ini amat dekat dan sentiasa menjadi perbualan hangat rakyat di mana-mana.
- Kesan peningkatan kos sara hidup ini juga tidak hanya terhad kepada kuasa beli rakyat, malahan ia terut memberi impak negatif kepada hubungan dan institusi kekeluargaan.
- 4 Mac lalu, Dr Fahmi Ngah, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Agama Islam, Negeri Selangor semasa Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor menyatakan kos sara hidup tinggi tidak selari dengan kadar pendapatan telah dikenal pasti menjadi penyumbang kepada peningkatan kes cerai pasangan Islam di negeri Selangor.
- Tambah beliau, pendapatan isi rumah yang tidak mencukupi mendorong rakyat mencari kerja sambilan sekaligus mengakibatkan tiada masa berkualiti bersama keluarga dan akhirnya memberi kesan selain menimbulkan konflik dalam rumah tangga.
- Apa yang lebih menggerunkan rakyat apabila kerajaan pada hari ini berhasrat malahan telah melaksanakan beberapa tambahan serta peningkatan pelbagai jenis cukai seperti Cukai Barangan dan Perkhidmatan (SST), cukai Jualan Barang Bernilai Rendah (LVG) serta Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGT) diakui banyak pihak akan meningkatkan lagi kos sara hidup yang sedia ada tinggi.
- Minggu lalu, Ahli Parlimen Ayer Hitam, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong semasa sidang Parlimen merayu kepada kerajaan agar dapat mengecualikan kenaikan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) daripada enam kepada lapan peratus bagi elektrik dan air kerana menganggap ia merupakan penghulu segala kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

- Mengulas permintaan tersebut, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, perkara tersebut sudah berada mesyuarat jawatankuasa pemantauan pelaksanaan. Satu kajian khusus akan dilaksanakan akan dan dibawa ke mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 20 Mac nanti.

RUJUKAN

- https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/03/04/kos-sara-hidup-tinggi-sumbang-kes-cerai-meningkat-di-selangor/
- https://www.sinarharian.com.my/article/652559/suara-sinar/lidah-pengarang/pantau-peniaga-ambil-kesempatan-kenaikan-sst
- https://www.kosmo.com.my/2024/02/27/dewan-rakyat-ka-siong-rayu-kerajaan-kecualikan-kenaikan-sst-bil-air-elektrik/

Malaysia Ke Arah Meliberalisasi Dasar Kabotaj

- **Dasar National Load Centre** yang diperkenalkan pada 1990 bagi memusatkan semua perkhidmatan kargo di Pelabuhan Klang, Selangor tidak lagi terpakai, kata Menteri Pengangkutan Anthony Loke.



- Beliau berkata keputusan untuk tidak menggunakan dasar itu dipersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri memandangkan dasar mempromosikan Pelabuhan Klang itu tidak lagi terpakai memandangkan pelabuhan tersebut kini mengendalikan jumlah kontena tempatan untuk import dan eksport melebihi enam juta TEU (unit kapasiti kontena bersamaan dua puluh kaki).
- Justeru, mana-mana pelabuhan baik di Semenanjung atau Sabah dan Sarawak boleh dijadikan pelabuhan 'loading' atau dipanggil oleh mana-mana syarikat perkapalan secara terus.
- Hal ini bertepatan berikutan dasar tersebut telah kehilangan relevansinya selepas dua dekad, apatah lagi dengan kemunculan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di Johor, dan pembesaran pelabuhan di Bintulu dan Teluk Sepanggar di Sarawak dan Sabah.
- Walaupun suatu ketika dahulu, dasar ini diadakan untuk menghidupkan **industri perkapalan domestik** dengan memberi projek-projek penghantaran barangan import dari Pelabuhan Klang ke Sabah dan Sarawak, namun dasar ini menyebabkan harga barangan di Sabah dan Sarawak terpaksa dinaikkan kesan daripada kos logistik berganda.

- Begitu juga pada ketika itu hanya Pelabuhan Klang yang mempunyai fasiliti pelabuhan import yang baik dan mampu mengendalikan barangan logistik yang banyak. Kini, kebanyakan pelabuhan mempunyai fasiliti yang sama. Maka, tidak praktikal dari segi ekonomi dan logistik untuk memaksa kargo dari Sabah dan Sarawak melalui Pelabuhan Klang terlebih dahulu sebelum sampai ke negara seperti Vietnam, China, Korea Selatan dan Jepun.
- Dalam masa yang sama, kerajaan juga bersetuju untuk melaksanakan **pengecualian dasar kabotaj** kepada kapal-kapal asing yang terlibat dalam semua kerja membaiki kabel dasar laut bagi menarik lebih banyak pelaburan asing ke dalam industri dan merancakkan pertumbuhan ekonomi.
- Rata-rata komuniti perkapalan menyambut baik pengumuman menteri itu, sejajar dengan realiti situasi perdagangan dan menyediakan peluang pertumbuhan industri.
- Lokasi strategik Malaysia untuk industri perkapalan dan logistik merupakan potensi yang sepatutnya diraih sepenuhnya oleh kerajaan dan liberalisasi dasar kabotaj ini merupakan langkah awal ke arah itu.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/652228/berita/nasional/kapal-asing-terbabit-baiki-kabel-dasar-laut-dikecuali-dasar-kabotaj
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2024/03/04/govt-correct-to-discontinue-national-load-centre-shipping-policy/
- https://www.bernama.com/en/news.php?id=2275119

Doktor Pelatih Korea Mogok

- Pada awal Februari lalu, Kementerian Kesihatan Korea Selatan mengumumkan cadangan untuk **meningkatkan bilangan kemasukan** pelajar dalam jurusan perubatan sebanyak 2,000 orang bermula tahun akademik 2025.
- Hal ini bertujuan untuk mengatasi masalah **kekurangan pegawai perubatan** yang kritikal di sana. Korea Selatan mencatatkan kadar 2.6 doktor untuk setiap 1,000 penduduk, antara yang terendah dalam kalangan negara maju. Situasi diburukkan lagi apabila Korea Selatan turut berhadapan dengan masalah populasi menua.
- Cadangan kerajaan ditentang oleh doktor pelatih yang mengatakan masalah kekurangan tersebut hanya melibatkan bidang kepakaran tertentu seperti rawatan kecemasan. Mereka menambah lagi, cadangan kerajaan tersebut tidak menyelesaikan masalah pokok yang dihadapi oleh doktor di hospital iaitu persekitaran kerja yang teruk dan gaji yang rendah.



Sumber: AFP

- Pada 20 Februari, sekitar 9,000 doktor muda mengadakan demonstrasi jalanan dan mengakibatkan pembatalan beberapa pembedahan dan rawatan malah mengakibatkan unit kecemasan hospital tergendala.

- Sebagai respon, kerajaan Korea Selatan memberi amaran bahawa lesen perubatan akan digantung buat doktor yang terlibat dengan sebarang demonstrasi dan tidak kembali bertugas di hospital. Ini selari dengan undang-undang Korea Selatan yang melarang doktor mengambil tindakan mogok.
- Rata-rata rakyat di sana bersetuju dengan langkah yang ingin diambil oleh kerajaan dengan 76% responden bersetuju untuk meningkatkan bilangan kemasukan ke sekolah perubatan. Memandangkan pilihanraya akan berlangsung pada April nanti dan Presiden Yoon Suk-yeol berhasrat untuk menang majoriti parlimen, kerajaan tidak akan berkompromi dengan tuntutan doktor muda itu.
- Menurut doktor muda ini, kerajaan mengabaikan isu struktural yang menyebabkan kerjaya bidang kepakaran tertentu seperti pembedahan kosmetik dan dermatologi menjadi lebih lumayan berbanding perkhidmatan penting seperti kecemasan dan pediatrik.
- Jika diperhatikan, Malaysia turut berhadapan dengan isu yang hampir serupa dengan Korea Selatan. Kita kekurangan doktor perubatan, aspek kebajikan mereka terabai (gaji rendah, waktu bekerja panjang) serta populasi menua. Langkah yang holistik perlu diambil agar menatijahkan perkhidmatan kesihatan yang saksama kepada rakyat.

RUJUKAN

- https://www.aljazeera.com/news/2024/3/4/south-korea-to-suspend-doctor-licences-as-strike-crisis-escalates
- https://www.nytimes.com/2024/02/29/world/asia/doctor-strike-south-korea.html
- https://apnews.com/article/south-korea-doctors-walkouts-patients-explained-326632dd061fc3b004b663cc761f9016

Rakyat Terengganu Dinafikan Hak Royalti

- Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar telah menjangka **anggaran terimaan wang ihsan** yang sepatutnya diterima bagi tahun 2023 ialah RM1.524 billion. Namun malangnya sehingga ke hari ini, wang ihsan yang dinikmati oleh 1.2 juta rakyat Terengganu tidak diteruskan. Setakat November 2023, Menteri Besar Terengganu mengumumkan bahawa negeri Terengganu hanya menerima sebanyak **RM510 juta wang ihsan** daripada kerajaan Persekutuan.
- Mengikut rekod kerajaan negeri Terengganu telah menerima bayaran royalti petroleum dengan istilah 'royalti' pada tahun 1978 sehingga tahun 1999. Namun, setelah negeri Terengganu diambil alih oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS), kerajaan Persekutuan mengambil keputusan **menukar penggunaan terma** 'bayaran royalti petroleum' ke 'bayaran wang ihsan'.
- Kerajaan Persekutuan memberi hujah negeri Terengganu tidak layak menerima bayaran royalti selepas tahun 1999 kerana pertama, tiada sebarang istilah yang berkaitan royalti disebut dalam Akta Petroleum 1974 dan kedua kawasan perairan di mana minyak digali adalah di luar dari Pantai Terengganu.
- Menurut Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Dr. Mohamed Fadzli Hassan mendefinisikan bayaran wang ihsan sebagai bayaran dalam bentuk tunai yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan mengikut ihsannya kepada kerajaan negeri tertentu. Berbeza dengan bayaran royalti, ia difahami sebagai hak kerajaan negeri sebagaimana telah termaktub dalam perjanjian yang telah dipersetujui oleh dua pihak.
- Seksyen 4 Akta Perlombongan Petroleum 1974 memperuntukan PETRONAS untuk membayar kepada mana-mana negeri yang memberikan kebenaran untuk diuruskan hasil petroleumnya dalam bentuk wang tunai mengikut jumlah yang telah dipersetujui antara dua pihak. Dalam Akta tersebut juga

tidak dinyatakan mengenai apa-apa syarat berkenaan jarak telaga petroleum yang ditemui bagi negeri tersebut.

- Dalam memastikan sistem politik yang mantap dan demokratik, Kerajaan Persekutuan perlu menjalinkan hubungan baik dengan negeri-negeri pengeluar minyak. Hal ini kerana, Malaysia melalui PETRONAS bergantung kepada negeri Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak dalam sektor minyak petroleum. Sebagai imbalan, negeri-negeri tersebut menerima bayaran royalti petroleum sebanyak 5% melalui hasil eksplorasi petroleum yang dilakukan oleh PETRONAS.
- Secara realitinya tindakan Kerajaan Persekutuan menukar terma 'royalti' ke 'wang ihsan' adalah satu langkah ke belakang sekali gus menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat gagal menghayati semangat faderalisme.
- Penafian pembayaran wang ihsan terhadap negeri Terengganu akan merencatkan perlaksanaan dasar-dasar yang telah dirangka oleh kerajaan negeri Terengganu sama ada dari aspek ekonomi, sosial, modal insan, prasarana dan pembangunan.

RUJUKAN

- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/05/wang-royalti-minyak-terengganu-masih-tertunggak-samsuri-minta-penjelasan-anwar/
- https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/kerajaan-persekutuan-masih-hutang-rm1-bilion-royalti-minyak/
- https://www.utusan.com.my/berita/2023/10/kelantan-harap-dapat-bayaran-wang-royalti/
- http://perbendaharaan.terengganu.gov.my/index.php/ms/sumber/muat-turun

Rasionalisasi Subsidi Diesel Bersasar

- Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali telah mengumumkan perluasan **Projek Rintis Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0** (SKDS 2.0) bagi Sektor Pengangkutan Darat (Barangan) bermula 7 Mac 2024 melibatkan lima syarikat minyak dan sembilan jenis kenderaan.
- Jenis kenderaan yang terlibat adalah lori kargo am, lori minuman botol, lori sejuk beku, lori luton atau kotak, lori penggerak utama, lori tangki tepung, lori tangki air, van jenis panel dan van jenis *window*. Menteri KPDN juga berkata syarikat pengendali kenderaan terbabit boleh membuat permohonan melalui Sistem MySubsidi Diesel KPDN.
- Selepas KPDN meluluskan permohonan, pilihan syarikat minyak iaitu PETRONAS, Shell, Caltex, BHP atau Petron akan mengeluarkan *Fleet Card* kepada syarikat pengendali kenderaan.
- Tempoh kelulusan permohonan KPDN mengambil masa antara 24 jam hingga 48 jam manakala proses pengeluaran *Fleet Card* oleh syarikat minyak dianggarkan minimum 2 minggu dan maksimum 4 minggu. Permohonan awal *Fleet Card* dapat membantu langkah subsidi bersasar minyak jenis diesel digunakan pada 1 April 2024.
- KPDN dan Kementerian Kewangan (MoF) akan bekerjasama dalam meneliti keperluan Projek Rintis SKDS 2.0 ke Sektor Pengangkutan Darat (Barangan) lain yang bersesuaian bagi **menangani isu ketirisan** dan penyeludupan diesel bersubsidi dengan lebih cekap dan efektif.
- Kaedah digital seperti penggunaan *Fleet Card* menggantikan Sistem Analog Skid Tank dapat membantu mengurangkan kos kawalan dan memastikan subsidi secara bersasar dilaksanakan secara bersepadu.

- Pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar juga telah mendapat sokongan daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dalam Titah Diraja pada 26 Februari lalu sebagai langkah penjimatan.
- Usaha KPDN dalam membendung kes ketirisan dan penyeludupan minyak jenis diesel patut disambut baik oleh syarikat pengendali kenderaan kerana pengunaan minyak diesel dapat dikesan melalui sejarah transaksi di dalam *Fleet Card*. Hal ini dapat mengelakkan kes penyelewengan yang boleh berlaku dalam kalangan pekerja.
- Kerajaan juga boleh mengawal harga diesel berdasarkan data daripada penggunaan *Fleet Card* dan pada masa yang sama rakyat dapat menikmati subsidi yang diberi.
- Namun, timbul kerisauan dari pihak peniaga kecil yang juga menggunakan diesel/petrol secara berkala namun tidak melepasi syarat mendapatkan *Fleet Card*.
- Tambahan lagi, dalam keadaan rakyat yang semakin terhimpit kerana kejatuhan matawang Ringgit yang memberi kesan langsung kepada kenaikan kos sara hidup, serta pengenalan cukai-cukai baru dan kenaikan cukai SST dan DST, adakah subsidi bersasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Madani ini akan menambahkan lagi bebanan kepada pengguna?

RUJUKAN

- https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2276577
- https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2273550



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**isu-semasa**

© **Hak Cipta Terpelihara**